

<p><b>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>(Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk memohon Pembiayaan Pembeli. Pastikan anda juga membaca terma dalam Surat Tawaran. Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma am.)</p>	<p style="text-align: center;"><b>PEMBIAYAAN PEMBELI</b></p> <p>Tarikh:</p>
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p> <p>Pembiayaan Pembeli (<i>Buyer Financing</i> atau BF) merujuk kepada pengaturan di mana Bank membiayai jumlah belum terima Pembekal dengan menyediakan pembiayaan modal kerja kepada Pembeli mereka. Pembiayaan adalah berdasarkan kemantapan Pembekal dan terhadap akur janji tidak boleh dibatalkan mereka untuk melakukan pembayaran sekiranya Pembeli mereka ingkar dalam pembayaran pada tarikh matang.</p>	
<p><b>2. Apakah ciri-ciri utama produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• BF hanya disediakan untuk membiayai pembelian tempatan Pembeli daripada Pembekal tempatan tertentu.</li> <li>• Pembiayaan mungkin dilakukan dengan bantuan penuh atau terhad kepada Pembekal dan adalah dalam Ringgit Malaysia (RM).</li> <li>• Pembiayaan BF adalah tertakluk kepada jumlah pengeluaran minimum sebanyak RM10,000.00.</li> <li>• Kadar Pembiayaan disandarkan pada Kadar Pinjaman Asas (<i>Base Lending Rate</i> atau BLR) atau Kos Dana Berkesan (<i>Effective Cost of Fund</i> atau ECOF) lazim Bank tambah Margin, yang ditentukan pada peringkat penstrukturan kemudahan.</li> <li>• Pengumpulan invois dibenarkan.</li> <li>• Tempoh Pembiayaan adalah berdasarkan pada baki tempoh kredit sehingga kematangan, yang diberikan oleh Pembekal.</li> <li>• Perdagangan yang mendasarinya mungkin melibatkan barangan atau perkhidmatan.</li> </ul>	
<p><b>3. Bagaimanakah hasil kutipan diskaun diperolehi?</b></p> <p>Faedah dikumpul pada permulaan, ditolak daripada nilai invois dan dikira seperti berikut:</p> $\frac{[\text{Jumlah Prinsipal BF} \times \text{Kadar Pembiayaan (BLR atau ECOF + Margin)} \times \text{Tempoh Pembiayaan}]}{365 \times 100}$	
<p><b>4. Bagaimanakah cara untuksaya memohon produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai Pembeli, anda perlu mempunyai Kemudahan BF yang diluluskan dengan Bank dan permohonan mesti dilakukan dalam Surat Permohonan standard Bank, yang dilengkapi dan ditandatangani sewajarnya oleh penandatangani yang dibenarkan anda.</li> <li>• Setiap permohonan mesti disertakan dengan dokumen sokongan, contohnya, Invois dan dokumen pengangkutan yang membuktikan transaksi perdagangan tersebut.</li> </ul>	
<p><b>5. Apakah tanggungjawab saya?</b></p> <p>Sebagai Pembeli, anda perlu melakukan pembayaran balik sepenuhnya tidak lewat daripada tarikh matang BF.</p> <p>Sebagai Pembekal, anda perlu menghormati akur janji anda untuk membayar Bank apabila Pembeli anda mengingkari pembayaran balik mereka.</p>	
<p><b>6. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembiayaan akan diklasifikasikan sebagai tertunggak jika tidak dibayar sepenuhnya pada tarikh matang.</li> <li>• Faedah ingkar 1.0% setahun atas BLR lazim tambah Margin (bagi harga BLR) atau 3.5% setahun tambah BLR lazim (bagi harga ECOF) akan dikenakan ke atas jumlah prinsipal BF.</li> <li>• Sebarang pembiayaan tertunggak akan menjejaskan pengeluaran selanjutnya bagi kemudahan BF Pembeli dengan Bank.</li> <li>• Jika pembiayaan tertunggak masih belum dibayar selepas 30 hari, Bank akan menuntut jumlah yang tertunggak tersebut, ditambah dengan faedah, daripada Pembekal.</li> <li>• Bank boleh melaksanakan haknya dan memulakan proses pemulihan/tindakan undang-undang terhadap Pembeli dan/atau Pembekal.</li> <li>• Kemudahan BF Pembeli dengan Bank boleh ditarik balik.</li> </ul>	

**7. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?**

Faedah	Seperti yang dinyatakan di atas
Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)
Caj Lain	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di <a href="http://www1.uob.com.my">www1.uob.com.my</a> untuk butiran lanjut

Nota: Bank boleh menyemak semula komisen, kadar faedah, fi dan caj dari semasa ke semasa pada budi bicara mutlaknyanya, tertakluk kepada Bank memberikan anda notis 21 hari terlebih dahulu.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat hubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda, sila maklumkan cawangan UOBM yang terdekat atau Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan atau hubungi Pengurus Perhubungan UOBM anda.

**9. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan dan pembelaan?**

- Jika anda mempunyai masalah untuk melakukan pembayaran balik, sila hubungi Bank dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik yang lain. Anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan Akaun UOBM anda atau menghantar E-mel kepada kami di [uobcustomerservice@uob.com.my](mailto:uobcustomerservice@uob.com.my) atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121
- Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di Maju Junction Mall, Tingkat 8, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur (Tel: 03-26167766 atau E-mel ke [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)).
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, anda boleh menghantar E-mel kepada kami di [uobcustomerservice@uob.com.my](mailto:uobcustomerservice@uob.com.my) atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121.
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (Tel: 1-300-88-5465; Faks: 603 - 2174 1515; E-mel ke [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)).

**10. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini?**

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk kami, sila kunjungi Cawangan UOBM yang terdekat atau hantar E-mel ke [businessbanking.servicecentre@uob.com.my](mailto:businessbanking.servicecentre@uob.com.my) atau log masuk ke [www1.uob.com.my](http://www1.uob.com.my) untuk maklumat lanjut.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan UOBM kami di Kuala Lumpur 603 - 2616 6800; Pulau Pinang 604 - 2626 800; Johor Bahru 607 - 2236 800; Kuching 082 - 236 820; Kota Kinabalu 088 - 246 820

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada September 2018 dan tertakluk kepada perubahan pada budi bicara Bank.

**Kepada: UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (271809K)**

Saya/Kami dengan ini mengakui penerimaan Helaian Pendedahan Produk di atas.

-----  
 Penandatanganan yang Dibenarkan & Cop Syarikat  
 Tarikh: